

Headline	Individu hantar surat mohon maaf		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Apr 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	16	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm <sup>2</sup>
Journalist	Norakmah Mat Youb	AdValue	RM 3,921
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,764



**DAKWAAN TH, PTPTN KELUAR WANG SIMPANAN SECARA SALAH**

# Individu hantar surat mohon maaf

» *Perbualan menerusi WhatsApp ditokok tambah burukkan imej Tabung Haji*

Oleh Norakmah Mat Youb dan Petah Wazzan Iskandar

bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Individu yang memuat naik salinan paparan WhatsApp yang mengaitkan Tabung Haji (TH) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), kononnya berlakunya dakwaan pengeluaran wang simpanan secara salah, memohon maaf atas kesilapannya.

TH berkata, individu berkenaan membuat permohonan maaf menerusi surat yang dikirimkan kepada institusi berkenaan, semalam.

Menurut surat yang dikepilkhan dengan kenyataan media TH itu, perbualan individu terabit dengan anak menantunya menerusi aplikasi WhatsApp, kelmarin diviralkan di media sosial oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Beliau mendakwa, gambar perbualan itu turut ditokok tambah dengan pelbagai spekulasi yang memburukkan imej TH.

“Dengan ini, sekali lagi saya memohon maaf kepada TH atas kesilapan saya. Segala kesulitan amat dikesali,” katanya yang turut memuat naik permohonan maaf menerusi sta-

tus akaun Facebook miliknya, semalam.

Sebelum ini, seorang pelajar yang dikatakan sedang menyambung pelajaran bidang syariah mengadu kepada bapanya bahawa wang simpanan dalam TH sebanyak RM30,000 didakwa diambil PTPTN.

Dia mendakwa kononnya perkara itu hanya diketahui selepas mengemas kini buku TH miliknya.

Sementara itu, TH menerusi kenyataan media menafikan pembabitannya dalam pengeluaran wang dari akaun simpanan pendeposit bagi membayar pinjaman PTPTN yang disebarluaskan melalui media soial.

## Maklumat tidak benar

TH turut menegaskan penyebaran maklumat itu tidak benar dan berunsur fitnah kerana institusi berkenaan tiada sebarang usaha sama berkaitan pembayaran pinjaman dengan PTPTN.

“Semua pengeluaran wang dari akaun pendeposit perlu-lah dengan arahan dan per-setujuan pendeposit sendiri,”

katanya.

Dalam perkembangan sa-ma, Pengurus PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah me-negaskan pihaknya tidak mempunyai kuasa untuk me-ngambil duit simpanan pe-minjam mahupun mengakses akaun Tabung Haji mereka.

## PTPTN tiada kuasa

“Semua transaksi pengeluaran mahupun pindahan wang yang dibuat bagi mana-mana akaun, sama ada akaun bank atau akaun TH adalah atas kebenaran pemegang akaun sendiri.

“PTPTN tidak mempunyai sebarang kuasa untuk membuat tindakan mengambil duit simpanan peminjam mahupun mengakses akaun TH ma-lah peraturan kewangan sa-nget ketat seperti yang dite-tapkan Bank Negara,” katanya yang ditemui di sini, sema-lam.

Shamsul Anuar yang juga Ahli Parlimen Lenggong ber-kata, pihaknya akan membuat laporan polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam tem-poh terdekat bagi menyekat usaha pihak tertentu membu-rukkan PTPTN.